

01 MAY 1997

Malawi-Pelaburan

SYARIKAT MALAYSIA MENGEMBANGKAN SAYAP KE AFRIKA

Oleh: E. Sivabalan

BLANTYRE (MALAWI), 1 Mei (Bernama) -- Syarikat G-Two Holdings Berhad yang beribu pejabat di Malaysia mungkin tidak dikenali ramai, tetapi ia menyerlah di negara selatan Afrika ini dan juga mempunyai rancangan untuk mengembangkan sayapnya ke bahagian-bahagian lain benua Afrika.

Syarikat pembinaan itu melalui usahasama dengan Yayasan Wilayah kini melaksanakan projek bandar satelit baru bernilai RM3 bilion di tanah seluas 800-hektar dan sebuah hotel bertaraf antarabangsa bernilai RM70 juta di Malawi.

Pengerusi Eksekutifnya Datuk Lim Huah Leong memberitahu BERNAMA di sini yang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba di bandaraya komersil dan perindustrian ini kerana lawatan rasmi tiga hari ke Malawi, dijangka melakukan upacara pecah tanah bagi projek hotel itu di sini, esok.

Projek hotel 188-bilik itu akan dilaksanakan oleh Malawi Resort World Limited yang 74 peratus ekuitinya dipegang oleh pelabur-pelabur Malaysia dan bakinya oleh Malawi Development Corporation. Ia dijangka siap pada penghujung tahun depan.

Hotel itu akan mempunyai dewan konvensyen, restoren, kolam renang dan arked membeli belah yang mana kemudahan seperti itu masih kekurangan di hotel-hotel di Malawi.

Projek bandar satelit itu akan meliputi pembinaan unit-unit kediaman kos rendah di Malabada-Nadirande dekat sini. Projek itu akan disiapkan berperingkat-peringkat dalam tempoh antara 15 dan 20 tahun, kata Lim yang publisiti mengenai aktiviti perniagaan beliau di luar Malaysia tidak banyak.

Lim berkata, syarikat itu juga kini berada pada peringkat akhir rundingan dengan kerajaan Malawi untuk membina dan menaikkan taraf lebuh raya di Malawi.

G-Two yang mahu disenaraikan di papan kedua Bursa Saham Kuala Lumpur, merupakan syarikat Malaysia yang pertama untuk beroperasi di Malawi. Sebuah lagi syarikat yang beroperasi di negara itu ialah Telekom Malaysia Berhad.

Lim berkata, syarikat itu bercadang mengembangkan sayapnya ke negara-negara Afrika yang lain "tetapi ia banyak bergantung kepada kemajuan projek-projek di Malawi" yang kini menunjukkan kemajuan yang baik.

Ditanya mengenai kejayaan beliau dalam menembusi pasaran Afrika, Lim berkata: "Anda mesti bersabar dan jangan menjangkakan keeuntungan segera. Kita mesti memahami perasaan dan budaya masyarakat tempatan sebelum menjalankan perniagaan bersama mereka."

Antara projek G-Two di Malaysia termasuk pembinaan Pusat Dagangan Dunia di Melaka yang berdepan dengan pantai di Klebang.

Pusat dagangan bernilai RM80 juta itu akan meliputi sebuah pusat konvensyen dengan 3,000-tempat duduk, sebuah pusat pameran, sebuah pawagam, sebuah pusat opera, helipad dan marina. -- BERNAMA

ES PR